

12 APR 1996

Rasuah

TUDUHAN MALAYSIA AMALKAN RASUAH TIDAK JEJAS IKLIM PELABURAN

KANGAR, 12 April (Bernama) -- Tuduhan negara Barat kononnya Malaysia banyak mengamalkan rasuah tidak akan menjejaskan iklim pelaburan di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata, tuduhan itu dibuat oleh pelabur Barat apabila mereka gagal memperolehi sebarang kontrak di negara ini.

"Bila datang ke sini mereka hendakkan kontrak, bila tak dapat dia buat rasuah tetapi bila dapat dia senyap sahaja walaupun dia melakukan rasuah," katanya kepada pemberita di akhir lawatan kerjanya selama dua hari ke Perlis di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata, sekiranya mereka tidak mahu datang melabur ke negara ini pelabur dari negara lain akan mengambil peluang melabur di negara ini.

Beliau berkata demikian semasa diminta mengulas laporan "Transparency International (IT)", sebuah kumpulan pemerhati di Berlin yang dibiayai separuhnya oleh Britain dan Amerika Syarikat (AS) dan sebahagian besar perbadanan AS mengeluarkan indeks rasuah antarabangnya yang pertama yang turut menyenaraikan Malaysia dan 40 lagi negara.

Dalam indeks berkenaan, Malaysia disenaraikan sebagai negara rasuah yang tinggi dan menduduki tempat ke-23 dalam senarai negara rasuah yang tidak termasuk Russia, Eropah Timur dan negara-negara Afrika.

Menurut Perdana Menteri beliau ada membaca mengenai banyak pemimpin di negara Eropah yang terlibat dengan rasuah.

"Sebaliknya kalau kita ada unit pemerhati dan mengkaji pula keadaan mereka (negara-negara Eropah) memangpun mereka terbabit dengan rasuah yang besar," tegasnya.

"Itu sebab mereka datang ke sini kadang-kadang tidak mendapat kontrak mereka buat cadangan macam-macam seperti Pergau misalnya mereka tuduh saya menerima RM50,000," katanya lagi.

Sehubungan itu katanya, sekiranya pelabur Barat tidak mahu datang ke negara ini, pelabur Jepun pula akan mengambil kesempatan melabur di negara ini.

Mengenai lawatannya ke Bosnia-Herzegovina minggu depan Perdana Menteri berharap ia dapat membantu rakyat negara itu membina semula negara mereka yang musnah akibat peperangan.

Katanya, melalui lawatan itu juga Malaysia berharap dapat menjalin hubungan yang baik dengan negara Balkan itu.

"Kita juga berharap dapat mempelajari keadaan yang sebenarnya di negara berkenaan," katanya.

Semalam seorang pegawai Wisma Putera berkata, Dr Mahathir akan melawat tiga negara Balkan dan akan menerima anugerah tertinggi "The Dragon of Bosnia" daripada kerajaan Bosnia-Herzegovina.

Ditanya mengenai pembangunan di Perlis, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati dengan tahap pembangunan yang dicapai oleh negeri berkenaan yang disifatkan lebih maju daripada negeri lain.

Semasa diminta mengulas mengenai politik wang yang masih berlaku dalam UMNO, beliau yang juga Presiden parti itu berkata, pihak parti memang menyedari perbuatan itu.

Bagaimanapun masalahnya parti tidak boleh bertindak ke atas tuduhan semata-mata tanpa sebarang bukti, katanya.

"Sekiranya ada bukti sila kemukakan, tetapi dalam pengadilan kita tidak boleh menghukum hanya kerana ada orang buat tuduhan," jelas beliau.

"Kalau macam itu saya pun terlibat atas tuduhan rasuah dan mempunyai seorang isteri lagi di Singapura (seperti mana yang dikatakan)," jelas beliau. -- BERNAMA.

IQ OBA.